

Keputusan muktamad letak jawatan Menteri Pen Dr **Ling** tentukan

BH 2 4 MAY 2000

Pelbagai pihak minta pertimbangan niat bersara

Nafi MCA mahu tambahan menteri

Ulangi syor Chan Kong Choy sebagai pengganti

Oleh Jamhariah Jaafar, Ebi Azly Abdullah, Wan Esuriyanti Wan Ahmad dan Teh Kean Kiat

KUALALUMPUR, Selasa – Datuk Seri Dr Ling Liong Sik akan membuat keputusan muktamad mengenai kedudukannya sebagai Menteri Pengangkutan, selepas bertemu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok.

“Saya akan berjumpa Perdana Menteri esok dan akan menghadiri mesyuarat Kabinet seperti biasa.

“Anda juga boleh datang untuk sidang akhbar pasca Kabinet seperti biasa esok. Tunggulah... saya akan beritahu anda keputusan saya esok,” katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini, lewat petang ini.

Sejak pagi, pelbagai pihak datang menemui beliau di pejabatnya dengan kumpulan terakhir membabitkan 40 Ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri MCA. diketuai Naib Presidennya, Datuk Seri Ong Ka Ting.

Ketika diminta mengulas pertemuan berkenaan, Dr Ling berkata pelbagai pihak terutamanya daripada kalangan pemimpin MCA, wakil industri dan pertubuhan Cina, mengemukakan pelbagai cadangan untuk mengatasi masalah yang dihadapi MCA.

“Antara cadangan yang dikemukakan (ialah) meminta saya bercuti dengan tenang selama sebulan, sebelum membuat keputusan muktamad.

“Saya mengambil kira semua cadangan berkenaan... tetapi sehingga kini, pendirian

saya tetap sama seperti sebelumnya,” katanya.

Dr Ling turut menolak dakwaan bahawa MCA pernah mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya diberi tambahan kerusi menteri kepada wakil parti itu.

“Kita tidak pernah meminta kerusi yang lebih, Perdana Menteri berhak untuk memberi apa-apa kerusi Kabinet kepada sesiapa,” katanya.

Isu kegagalan Dr Ling mendapatkan tambahan kerusi menteri bagi wakil MCA dikatakan adalah punca beliau meletakkan jawatan, selain gagal mendapatkan kerusi timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang.

Terdahulu, Dr Ling mengulangi pendiriannya untuk melepaskan jawatan sebagai Menteri Pengangkutan, tetapi menyatakan beliau akan tetap menjadi Presiden MCA sehingga pemilihan parti itu tahun depan.

Katanya, ini kerana jawatan itu adalah perlantikan dari ahli parti sejak tiga penggal lalu.

“Saya tidak akan melepaskan jawatan saya dalam MCA kerana saya dilantik oleh perwakilan,” katanya kepada pemberita selepas menemui delegasi MCA Selangor.

Beliau berkata, keputusannya untuk meletakkan jawatan daripada Kabinet adalah muktamad dan beliau gembira dengan tindakannya itu.

“Ramai yang menelefon

saya tetapi saya memberitahu mereka bahawa saya gembira untuk benmdur selepas menimbang semua perkara. Keputusannya saya menyokong saya tanpa mengira apa pun... jadi apabila tiba masanya untuk berundur, saya akan pergi,” katanya.

Ditanya sama ada beliau akan bertanding untuk pemilihan MCA akan datang, beliau berkata: “Perkara itu adalah sesuatu yang saya tidak mahu membuat spekulasi. Biarlah kita memikirkan perkara itu apabila tiba masanya kelak.”

Dr Ling juga yakin bahawa keputusannya untuk meletak jawatan dapat menyelesaikan segala masalah dalaman parti.

Mengenai nasihat Dr Mahathir yang meminta beliau menimbang semula keputusannya, Dr Ling berkata, beliau akan menemui Dr Mahathir sebelum mesyuarat minggu Kabinet di Putrajaya esok.

“Saya akan berbincang dengan Perdana Menteri esok. Kami sudah mengadakan pertemuan yang baik minggu lepas dan saya akan menemui beliau sekali lagi untuk menerangkan kepadanya,” katanya.

Dr Ling juga mengulangi keputusan beliau semalam untuk mencadangkan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy menggantinya (sebagai Menteri Pengangkutan) kepada

LIHAT MUKA 4